

24 OCT 2001

Syed Hamid-Afghanistan

KAPAL TLDM HANTAR BANTUAN KEMANUSIAAN KE AFGHANISTAN

PUTRAJAYA, 24 Okt (Bernama) -- Kabinet bersetuju supaya sebuah kapal bantuan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) digunakan untuk menghantar bantuan kemanusiaan yang disumbangkan oleh rakyat negara ini kepada pelarian Afghanistan yang berada di Pakistan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata kapal bantuan TLDM itu boleh membawa lebih banyak muatan berbanding pesawat pengangkut C-130 Hercules Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang dicadangkan pada awalnya.

"Kapal bantuan TLDM itu mempunyai kemampuan untuk mengangkut lebih daripada 10 tan bantuan kemanusiaan berbanding C-130 Hercules. Perjalanan ke pelabuhan Karachi pula akan mengambil masa seminggu," katanya pada majlis menerima sumbangan kemanusiaan rakyat Afghanistan daripada Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) dan Yayasan CNI di Wisma Putra di sini, hari ini.

Perbincangan akan diadakan dengan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai penggunaan kapal serta Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein memandangkan pergerakan itu turut menganjurkan kempen bantuan kemanusiaan seumpama itu.

Selain bantuan kemanusiaan daripada badan-badan bukan kerajaan, Syed Hamid berkata kerajaan juga mendermakan RM3.8 juta untuk membeli makanan, pakaian dan ubat-ubatan bagi pelarian Afghanistan.

Berjuta-juta rakyat Afghanistan kini berada di khemah pelarian di sempadan negara itu dengan Pakistan setelah melarikan diri daripada serangan Amerika Syarikat yang kini masuk minggu ketiga.

Amerika bertindak menyerang Afghanistan setelah pihak Taliban gagal menyerahkan Osama bin Laden, orang yang disyaki oleh Washington bertanggungjawab bagi serangan di Washington dan New York pada 11 Sept lepas.

Syed Hamid berkata rakyat Malaysia telah menunjukkan semangat kesukarelaan dan kebajikan yang tinggi melalui sumbangan mereka yang tidak henti-henti kepada tabung kemanusiaan pelarian Afghanistan.

Pengerusi MTRK Datuk Ibrahim Ali berkata sejumlah 150,000 helai pakaian telah dikumpulkan oleh anggota MTRK dalam kempen yang berjalan selama sembilan hari.

Pakaian-pakaian yang dibawa dari Kelantan dengan menggunakan sebuah treler itu kemudiannya diserahkan oleh Ibrahim dan lebih 50 orang anggota MTRK kepada Syed Hamid di perkarangan Wisma Putra.

Selain pakaian, Ibrahim serta timbalan pengerusi MTRK Datuk Wan Najib Mohamad dan bendahari Datuk Ismail Ibrahim juga mendermakan RM5,000 setiap seorang bagi tabung kemanusiaan itu.

Ibrahim berkata MTRK akan menganjurkan satu lagi kempen bantuan kemanusiaan dengan mereka bercadang menyerahkan 14 buah treler yang penuh dengan bantuan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada minggu ketiga bulan Ramadan di Putrajaya.

Katanya, 14 treler itu menandakan jumlah kawasan Parlimen di Kelantan.

Pada majlis itu, Pengerusi Yayasan CNI Chua Teck Lan menyerahkan barangan makanan keluaran syarikat bernilai RM200,000 kepada Syed Hamid untuk didermakan kepada pelarian Afghanistan.

Syarikat CNI telah membuka 100 buah pusat pungutan di seluruh negara bagi membolehkan rakyat menyumbangkan segala jenis pakaian, makanan dan ubat-ubatan kepada mereka yang memerlukan di negara itu.

-- BERNAMA
MHI AZZ PR